



PIHAK BERKUASA TEMPATAN
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM

BORANG SEMAKAN
PERMOHONAN KELULUSAN PELAN TAMBAHAN / PINDAAN
UNTUK RUMAH KEDIAMAN TERES
(SATU DAN DUA TINGKAT)

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :-

**SILA
TANDAKAN**

**UNTUK KEGUNAAN
PEJABAT SAHAJA**

- | | | | |
|----|---|----------------------|----------------------|
| 1. | Surat permohonan rasmi dari orang yang mengemukakan pelan | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 2. | Borang A | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 3. | Kiraan proses pelan dan bayaran | | |
| | i. Yuran : RM..... | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| | ii. Deposi : RM..... | | |

1.	Bayaran memproses pelan	RM 60.00
2.	Pembinaan ruang kekal bagi	
	• Tambahan setingkat	RM 70.00
	• Tambahan 2 tingkat	RM 130.00
3.	Bayaran untuk pembinaan pagar	RM 50.00
4.	Permit meletak bahan bina RM18.00 / 1 m per. X 2	RM 36.00
5.	Pelan Struktur Konkrit Tetulang	RM 70.00
6.	Stiker Kelulusan Pelan	RM 10.00
7.	Deposit Pembinaan	RM 100.00 /RM 300.00

- | | | | |
|----|--|----------------------|----------------------|
| 4. | Dokumen Hakmilik Sementara (geran) dan surat Jual Beli / Surat Kebenaran tuan Tanah / Premis. | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 5. | Salinan Kad Pengenalan Pemilik Bangunan beserta no telefon | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 6. | Salinan resit bayaran cukai pintu dan cukai tanah terkini yang telah dibayar serta resit salinan pindahmilik (jika belum dipindahmilikkan). | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 7. | 4 salinan pelan permohonan. | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| 8. | 1 salinan pelan RC dan kiraan rekabentuk untuk bangunan tambahan 2 tingkat dan binaan tambahan melebihi 50 peratus dari kelulusan asal yang telah disahkan oleh Jurutera Perunding Bertauliah. | <input type="text"/> | <input type="text"/> |

• **UNTUK DIISI OLEH ORANG YANG MENGEMUKAKAN PELAN :-**

Nama / Cop Orang Yang
Mengemukakan Pelan
NO. TELEFON

• **UNTUK KEGUNAAN PBT TPHTK SAHAJA :-**

Nama Pegawai Penerima
Tarikh
Tandatangan

PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM
SYARAT TAMBAHAN / PINDAAN BAGI BANGUNAN KEDIAMAN
TERES (SATU DAN DUA TINGKAT)

PBT TPHTK hanya berurusan dengan pihak perunding yang dilantik oleh pemilik bagi mengemukakan pelan.

Semua urusan dengan PBT TPHTK yang berkaitan dengan permohonan hendaklah disertakan dengan surat rasmi daripada orang yang berkelayakan mengemukakan pelan.

A. DOKUMEN- DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:-

1. Surat permohonan rasmi daripada orang yang berkelayakan mengemukakan pelan iaitu Arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia atau Pelukis Pelan Berdaftar dan surat pengesahan daripada Jurutera Bertauliah bagi lukisan struktur untuk tambahan 2 tingkat ke atas.
 2. 4 salinan pelan yang lengkap :-
 - 4 salinan pelan kertas yang diwarnakan.
 - Warna merah (tambahan baru) dan warna biru (kerja pindaan).
- Lukisan yang diperlukan :-
- a. pelan lokasi, pelan tapak, dan nombor lot.
 - b. Pelan lantai, pandangan hadapan, tepi dan belakang serta lukisan keratan.
 - c. Pelan sistem pembentungan bangunan (jika berkenaan).
 - d. Pelan butiran jalan masuk (entrance slab).
 - e. Pelan butiran tembok penahan (retaining wall) dengan skala 1:20
 - f. Pelan hendaklah dalam saiz A1 dan dilipat ke saiz A4.
3. Mengemukakan salinan terbaru resit cukai pintu bagi bangunan tersebut berserta salinan.
 4. Bagi pemilik yang belum menerima cukai pintu hendaklah dikemukakan satu salinan S&P untuk pengesahan sebagai pemilik rumah.
 5. Salinan kad pengenalan pemilik.
 6. Semua ukuran dalam sistem metrik.
 7. Semua pelan yang dikemukakan hendaklah ditandatangani oleh orang yang berkelayakan dan pemilik serta dengan alamat penuh pemilik.
 8. Borang A yang lengkap diisi.

B. SYARAT PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN :-

1. Tambahan Hadapan.

- i. Tambahan ruang lantai ber dinding kekal hendaklah 6,096mm (20') dari sempadan lot.
- ii. Tambahan porch/awning boleh dibina sehingga kegarisan sempadan dan tiang porch/awning hendaklah 600mm dari sempadan lot.

2. Tambahan Belakang.

- i. Sekiranya lorong belakang bangunan mempunyai resab parit/ servis atau lorong belakang adalah 6.0 m atau lebih lebarnya, sambungan belakang boleh dibenarkan hingga kesempadan belakang lot bangunan tertakluk kepada unjuran sambungan maksima 4.5m (15' 0")
- ii. Hujung cucur atap untuk bumbung dibolehkan keluar 12" (1' 0") (sahaja daripada garisan sempadan dengan syarat dipasang gutter dan air dialir ke longkang.
- iii. Bagi tambahan rumah 2 tingkat boleh di sambung tingkat bawah dan atas dengan syarat dikemukakan 1 salinan pelan RC dan kiraan rekabentuk struktur konkrit tetulang yang disahkan oleh Jurutera Perunding Bertauliah yang diiktiraf.

3. Tambahan Tepi (Yang Mempunyai Jalan Besar Di Tepi)

- i. Anjakan minima bagi sambungan teres terbuka adalah 3,000mm (10' 0") dari sempadan tepi lot.
- ii. Sambungan ber dinding kekal boleh di bina pada anjakan di atas (no. i) dengan syarat memenuhi kehendak di mana keluasan pembukaan tetap mestilah tidak kurang daripada

5% dari keluasan lantai dan keluasan bagi pembukaan tidak tetap pula mestilah tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lantai.

- iii. Tingkat untuk ruangan sambungan bagi berhadapan dengan jalan besar mestilah daripada jenis "casement" dan tingkat yang di bahagian belakang boleh menggunakan tingkat jenis boleh laras (adjustable louvers).

BATASAN

1. Bumbung tidak boleh dibina dari konkrit tetulang tetapi mesti dari bahagian bahan-bahan sama seperti bumbung sedia ada.
2. Dinding pemisah (party wall) hendaklah di bina diantara unit rumah dengan 112mm tebal minima (setiap belah), dinding perlu dari bahan-bahan tidak terbakar dan tidak mempunyai sebarang bentuk pembukaan dan ianya hendaklah tidak kurang daripada 9" tinggi dari paras bumbung dan hendaklah dilepa di kedua-dua permukaan.
3. Cahaya dan pengudaraan yang mencukupi untuk sambungan mesti disediakan melalui pembukaan, tingkat boleh dibuka atau grill yang mempunyai keluasan berpadu tidak kurang dari 15% daripada keluasan lantai sambungan.
4. Ketinggian bersih minima daripada paras lantai ke paras siling hendaklah tidak kurang daripada 2.4m (8' 0") dan dicat dengan warna yang sama dengan warna cat bangunan sedia ada.
5. Bagi tingkat dalaman untuk bilik yang diubahsuai, disyaratkan memasang (sisik mati) tingkat ram kaca tetap diatas tingkat-tingkat tersebut.
6. Sebarang penambahan yang melibatkan saluran paip air buangan dari singki, tandas dan bilik mandi hendaklah disambung semula ke sewerage manhole dan mana-mana penambahan yang melibatkan sewerage manhole hendaklah dipastikan supaya penutup tidak dimatikan.

D. PEMBINAAN PAGAR DAN TEMBOK SEMPADAN.

1. Ketinggian pagar atau tembok yang dibina daripada bata hendaklah tidak melebihi 4' tinggi iaitu tidak melebihi ketinggian pagar asal dan hendaklah dilepa dan dicat pada kedua-dua permukaan.
2. Sebarang pembinaan yang melibatkan sempadan lot jiran hendaklah mendapat persetujuan jiran tersebut dengan mengisi borang persetujuan yang boleh didapati di PBT TPHTK. PBT TPHTK tidak bertanggungjawab diatas sebarang masalah yang timbul oleh kerja-kerja pengubahsuaian tersebut.
3. Sila pastikan warna komponen tambahan hendaklah sama dengan warna cat asal rumah tersebut.

E. SYARAT-SYARAT AM JABATAN BOMBA.

1. Jika melibatkan dinding pemisah (party wall) hendaklah mematuhi seperti yang disyaratkan di dalam UBBL 1994 para 86.
2. Sekiranya jeriji dipasang pada unit/rumah kediaman dinasihatkan ianya hendaklah daripada jenis yang boleh dibuka dari luar ataupun dalam.

Permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar kepada :-

*Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
01-02, KHTP Administrative Centre
Kulim Hi-Tech Park
09090 Kulim, Kedah Darul Aman.*

PERINGATAN :

KERJA-KERJA PEMBINAAN TIDAK BOLEH DIMULAKAN SEBELUM PERMOHONAN DILULUSKAN OLEH PIHAK PBT TPHTK. KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN BOLEH MENYEBABKAN BAYARAN TAMBAHAN/DENDA SEHINGGA 20 KALI GANDA YURAN DIKENAKAN KE ATAS PEMILIK BANGUNAN BERKENAAN DAN TIDAK DIKECUALIKAN DARI DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG